

## KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor di **Negeri Terengganu** yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** dan berdaftar dengan **Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (LPIP/CIDB)** dan juga **Kementerian Kewangan Malaysia** yang pendaftarannya masih berkuatkuasa di dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan dan kod bidang yang berkaitan bagi perkhidmatan berikut :

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	KELAYAKAN
UiTMKT/SH/3/1/24	<p><b>PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN ELEKTRIK DOMESTIK DAN TELEKOMUNIKASI BAGI TEMPOH 1 TAHUN DI UiTM CAWANGAN TERENGGANU KAMPUS KUALA TERENGGANU</b></p> <p>Harga Dokumen : RM50.00 senaskah</p>	<p>a) Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)</p> <p>Kod Bidang : 220503</p> <p>DAN</p> <p>b) Berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih sah</p> <p>Gred : G1 atau G2 Kategori : ME Pengkhususan : E04 dan E11</p>

1. **Dokumen Sebut Harga**

Dokumen Meja Sebut Harga mula dipamer pada **13/05/2024** di **UNIT BENDAHARI, UiTM CAWANGAN TERENGGANU KAMPUS KUALA TERENGGANU, TERENGGANU** pada waktu pejabat.

2. Lawatan Tapak / Taklimat akan diadakan pada **20/5/2024 (ISNIN) JAM 11.00 PAGI BERTEMPAT DI BILIK MESYUARAT AL-GHAZALI, UiTM CAWANGAN TERENGGANU KAMPUS KUALA TERENGGANU.**

3. Kehadiran Penyebutharga ke Taklimat dan Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN.**

- i. Hanya Petender yang hadir Taklimat dan Lawatan Tapak sahaja yang akan dibenarkan membeli Dokumen Tawaran.
- ii. Hanya Penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) atau Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) sahaja yang boleh menghadiri Taklimat dan Lawatan Tapak tersebut. Penyebutharga tidak boleh mewakili pegawai selain daripada Penama di dalam sijil-sijil yang dinyatakan.

4. Kontraktor yang **TIBA LEWAT** daripada masa yang telah ditetapkan untuk sesi Taklimat dan Lawatan Tapak akan dikenakan tindakan seperti berikut:

- a) Tidak dibenarkan menghadiri Taklimat dan Lawatan Tapak
- b) Tidak akan diberikan Borang Pengesahan Lawatan Tapak yang telah ditandatangani oleh Pegawai Jabatan ini
- c) Tidak dibenarkan menyertai Tawaran Sebut Harga yang dibuka ini

Sila bawa bersama **Cop Syarikat** semasa menghadiri Taklimat / Lawatan Tapak.

5. Dokumen Tawaran boleh dibeli **selepas taklimat/lawatan** di UNIT BENDAHARI, UiTM CAWANGAN TERENGGANU KAMPUS KUALA TERENGGANU pada waktu pejabat dengan menggunakan **Pembayaran Tanpa Tunai (Kad Debit/Kad Kredit)** sahaja.

6. Penyebutharga dikehendaki membawa **Sijil Pendaftaran KKM, CIDB, SPKK, PPK dan Sijil Taraf Bumiputera (jika ada)** dalam bidang/gred seperti di atas dan menyerahkan satu **SALINAN (fotostat)** semasa membeli Dokumen Sebut Harga tersebut.

7. Dokumen Sebut Harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga **UNIT BENDAHARI, UiTM CAWANGAN TERENGGANU KAMPUS KUALA TERENGGANU, 21080 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU** dengan menulis nombor dan tajuk Sebut Harga di sebelah kiri atas di sampul tawaran berkenaan.
8. Tawaran ditutup pada **27/5/2024 (ISNIN) jam 12.00 tengahari**. Tawaran Sebut Harga yang lewat diterima dari waktu tutup **tidak akan dipertimbangkan**.